



NOTIS PENUTUPAN MAHKAMAH RENDAH DAERAH BELAIT

Mahkamah Sivil ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa **Mahkamah Rendah, Daerah Belait** adalah ditutup sementara **bermula Khamis, 14 Oktober 2021 sehingga Sabtu, 16 Oktober 2021** dan akan **beroperasi semula pada Isnin, 18 Oktober 2021** untuk memberi laluan bagi pembersihan premis-premis bagi menjaga keselamatan dan kesejahteraan pegawai/kakitangan Mahkamah khususnya dan orang awam amnya. Untuk makluman orang ramai:

1. Semua kes-kes jenayah dan sivil yang telah dijadualkan pendengarannya disemua Mahkamah-Mahkamah Sivil diseluruh negara termasuk kes-kes dibawah Akta Lalulintas Jalanraya, kes dibawah Tuntutan Tribunal Kecil, kes Kebankrapan dan Waris masih ditangguhkan sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian. Tarikh-tarikh penggantian kes akan dimaklumkan kepada pihak yang terbabit dalam masa yang terdekat.
2. Kes-kes jenayah yang baru (*fresh cases*) dan kes-kes jenayah yang mendesak (*urgent*) bagi Mahkamah Daerah Belait hendaklah dihadapkan dan didaftarkan ke Mahkamah Rendah Daerah Tutong dan akan diperdengarkan dengan mengikut SOP BCP yang telah ditetapkan.
3. Kes-kes yang menggunakan *video-conferencing* sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini masih lagi digunapakai.
4. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, orang ramai adalah disarankan untuk menghubungi Mahkamah seperti berikut:

Mahkamah Rendah, Daerah Belait

Telefon: 4220503 (Talian Mahkamah Tutong)

Email: kbcourt.civil@judicial.gov.bn

Sebarang kesulitan yang dihadapi adalah amat dikesali dan pihak Mahkamah Sivil memohon maaf atas perkara ini.

Sekian dan wassalam.

Tarikh: 06 Rabiulawal 1443/13 Oktober 2021
Reference: SC/CRC/A1